

13 MAR 2000

Mahathir-Insentif

DR MAHATHIR MAHU PELABUHAN TEMPATAN SEDIAKAN PERKHIDMATAN LEBIH EFISYEN

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelabuhan tempatan perlu menyediakan perkhidmatan yang efisien bagi menarik lebih banyak syarikat perkapalan singgah di negara ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif dan terpulanglah kepada pentadbiran pelabuhan-pelabuhan di negara ini untuk memaksimumkan pemberian insentif itu.

Beliau memberitahu pemberita bahawa aspek daripada segi semangat patriotik sahaja tidak memadai untuk menarik lebih ramai pengimport dan pengeksport menggunakan pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

"Bukan sahaja soal semangat patriotik tetapi kita kena lebih efisien dan lebih murah, baru mereka boleh guna kerana ini soal perniagaan. Dalam perniagaan kalau ia berdasarkan kepada patriotik sahaja, kalahlah (kita)...ia perlu berdasarkan kepada persaingan, efisien dan kos yang murah.

"Kalau sudah ada Pelabuhan Tanjung Pelepas yang kosnya rendah, sepatutnya mereka (pengimport/pengeksport) gunakanlah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas terdapatnya pengimport dan pengeksport tempatan yang masih menggunakan perkhidmatan pelabuhan di negara asing sedangkan perkhidmatan seumpama itu terdapat di pelabuhan-pelabuhan tempatan.

Mengenai Pelabuhan Tanjung Pelepas berharga RM2.4 bilion yang beliau rasmikan hari ini, Perdana Menteri berkata ia mungkin mengambil masa lima tahun sebelum pelabuhan itu dapat menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Mengenai rancangan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk menubuhkan pangkalan tentera laut bawah tanah di Teluk Sepanggar, Sabah, beliau berkata ia akan menjadi sebuah lagi pangkalan tentera laut yang penting pada masa depan terutama bagi menempatkan kapal-kapal selam.

"Kita akan beli kapal-kapal selam bila ada duit," katanya.

-- BERNAMA

MKO MAI